



Headline	Sasaran 300,000 pengunjung karnival pendidikan Mara		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	17 Mar 2013	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	L-20	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	133 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 266
Frequency	Daily	PR Value	RM 798



Sasaran 300,000 pengunjung karnival pendidikan Mara

KUALA LUMPUR: Majlis Amanah Rakyat (Mara) menyasar program Karnival Pendidikan Mara yang akan diadakan di 10 buah negeri sepanjang tahun ini mampu menarik lebih 300,000 pengunjung.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Hassan Malek berkata, pihaknya optimis mencapai sasaran itu berdasarkan sambutan yang diterima pada karnival tahun lalu dengan jumlah pengunjung seramai 270,000 orang.

“Bermula sejak tahun 2000, karnival ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat khususnya pelajar lepasan sekolah yang ingin mengetahui peluang pendidikan dan kerjaya yang ditawarkan kepada mereka,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Pendidikan Mara 2013 peringkat kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini selama dua mulai, kelmarin.

Karnival seterusnya akan diadakan di Pahang pada 23 dan 24 Mac, Johor (30 dan 31 Mac), Sabah (2 dan 3 April), Sarawak (5 dan 6 April), Perak (13 dan 14 April), Kelantan (17 dan 18 April), Kedah (20 dan 21 April), Terengganu (24

dan 25 April) serta Pulau Pinang (27 dan 28 April).

Mengenai usia penubuhan Mara yang kini mencecah 47 tahun pada 1 Mac lalu, Hassan berkata Mara akan terus memainkan peranan penting sebagai agen transformasi negara serta melaksanakan mobilisasi di kalangan masyarakat bumiputera melalui dua teras utama iaitu keusahawanan dan pendidikan.

“Selama 47 tahun Mara sarat dengan kejayaan, pencapaian, kemegahan dan kebahagiaan terutama dalam melahirkan usahawan berdaya maju dalam pelbagai bidang serta modal insan yang menjadi tonggak pembangunan ekonomi dan sosial negara,” katanya.

Beliau berkata kejayaan Mara yang paling besar ialah menghasilkan jumlah penerima manfaatnya yang hampir dua juta orang termasuk 687,249 lepasan pengajian institusi pendidikannya seperti Universiti Kuala Lumpur, German Malaysian Institute dan Maktab Rendah Sains Mara serta lebih setengah juta pelajar yang menerima tajaanannya dan hampir 150,000 usahawan yang telah dibimbingnya. -Bernama